



## SIARAN MEDIA

### **14 USAHAWAN, 2 YEARS EXIT PROGRAMME (2YEP) TERIMA ANUGERAH**

**SEPANG, 22 SEPTEMBER** –YB Datuk Seri Rina telah menyampaikan sijil penghargaan, plak dan surat tawaran bagi mengikuti Program Bimbingan Keusahawanan Semarakkan Komuniti Bisnes JKM kepada 14 peserta 2YEP yang telah berjaya sebagai usahawan dan bukan lagi menerima bantuan JKM. Melalui kerjasama dengan Bank Simpanan Nasional (BSN), peserta akan diberikan latihan dan mereka yang memenuhi kriteria boleh dipertimbangkan pembiayaan di bawah Pakej SemarakNiaga dengan jumlah pinjaman sehingga RM50,000 antara 1.5 hingga 5.5 tahun termasuk moratorium (rehat bayaran) 6 bulan pertama ke atas pembayaran ansuran bulanan.

Majlis Penyampaian sijil penghargaan, plak dan surat tawaran tersebut disempurnakan oleh YB Datuk Seri Rina sempena Konvensyen 2YEP Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tahun 2022 di Universiti Multimedia Cyberjaya, Selangor. Konvensyen yang dianjurkan oleh JKM bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta *2 Years Exit Programme (2YEP)* mengenai keusahawanan dan perusahaan sosial serta perkongsian pengalaman untuk membina dan mengembangkan perniagaan. Peserta 2YEP terdiri daripada penerima bantuan JKM yang bersedia untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan mereka.

“Kementerian melalui JKM melaksanakan program keusahawanan bagi membantu kumpulan sasaran meningkatkan taraf pendapatan melalui 2YEP.

Program ini merupakan satu pendekatan “*Productive Welfare*” bagi membantu penerima bantuan kebajikan, ke arah hidup berdikari dan survival, tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya dengan memperkasakan klien bagi meneruskan kehidupannya sendiri serta menggiatkan program-program ke arah pembangunan modal insan. Melalui 2YEP, klien dibantu dengan mewujudkan peluang penjanaaan sumber pendapatan yang stabil dan lestari melalui rangkaian kerjasama strategik dari pelbagai sektor awam dan swasta.” kata YB Datuk Seri Rina.

Selain daripada itu, KPWKM komited membantu golongan sasar melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi antaranya Institut Keusahawanan Negara, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Mereka akan diberi kursus-kursus keusahawanan, bimbingan kewangan dan perniagaan. KPWKM juga turun padang dalam usaha menyantuni masyarakat melalui program psikososial dan mendekati individu yang memerlukan.

KPWKM berharap inisiatif yang sedang diusahakan melalui pelbagai bentuk program pembangunan dan keusahawanan dapat meningkatkan lagi peluang penjanaaan pendapatan khususnya dalam kalangan kumpulan sasar Kementerian sekaligus mengurangkan kadar kemiskinan. Kementerian turut mengalu-alukan kerjasama daripada sektor Kerajaan dan swasta untuk sama-sama memberi sumbangan dan bantuan bersesuaian bagi kumpulan sasar kementerian. Seterusnya memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia terjamin serta dapat memperkasakan taraf sosio ekonomi agar insiden kemiskinan yang berlaku tidak diwarisi kepada generasi yang akan datang.

####

Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Kebajikan Masyarakat